Tahap Penguasaan	TP3	Membuat kronologi maklumat berkaitan kedaulatan negara.

3 Isi tempat kosong pada Peta Dakap berikut untuk menjelaskan tentang jenis kedaulatan.

Buku Teks m/s 6-7

Jenis kedaulatan

- **Kedaulatan tradisional**
  - Sistem pemerintahan berkuasa (*a*) _____ yang menguasai sepenuhnya segala urusan negara
  - Wujud sejak (*b*) _____
  - Kedaulatan negara kita berpaksikan pada kedaulatan (*c*) _____
- **Kedaulatan moden**
  - Dikaitkan dengan idea kemunculan negara bangsa selepas (*d*) _____ di England dan (*e*) _____
  - Selepas Perang Dunia Pertama, kedaulatan dikaitkan dengan nasionalisme yang menggunakan unsur (*f*) _____ dan bahasa
  - Kedaulatan negara kita sebagai sebuah negara bangsa pula lahir hasil gabungan negeri yang dikenali sebagai (*g*) _____ dan (*h*) _____
- **Kedaulatan undang-undang**
  - Bermaksud (*i*) _____ terikat oleh undang-undang yang perlu dipatuhi
  - Menjamin (*j*) _____ dalam kehidupan bermasyarakat serta menjadikan negara aman, stabil dan makmur
- **Kedaulatan antarabangsa**
  - Merujuk pengiktirafan (*k*) _____ yang tidak boleh dicabuli oleh negara lain
  - Deklarasi Hubungan Persahabatan PBB 1970 mengesahkan prinsip (*l*) _____ dari segi undang-undang antarabangsa

Pilihan jawapan:

persamaan kedaulatan	Revolusi Keagungan	kerajaan dan rakyat	Revolusi Perancis
keadilan	mutlak	Raja-Raja Melayu	tamadun awal manusia
persamaan rumpun bangsa		Persekutuan Malaysia 1963	
Persekutuan Tanah Melayu 1957		Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)	

LIVEWORKSHEETS